

Dr M dianugerah ijazah kehormat MMU

MELAKA: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad akan dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Penge-tahuan Sains sempena konvokesyen ke-lima Universiti Multimedia (MMU) di Dewan Seri Negeri di sini, Ahad ini,

Anugerah akan disampaikan isterinya yang juga Canselor MMU, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali pada hari kedua kon-vokesyen.

Menurut kenyataan MMU, anugerah itu bagi menghargai jasa dan sumbangan Dr Mahathir terhadap perkembangan sains dan teknologi di negara ini.

Selain itu, beliau adalah pencetus ilham penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSG) dan Cyberjaya ke arah memperke-nalkan teknologi maklumat dan komuni-kasi (ICT) kepada rakyat dan negara.

Sumbangan berterusan bekas Perdana Menteri selama 22 tahun itu meletakkan Malaysia pada tangga ke-17 dalam bi-dang perdagangan peringkat dunia.

Seramai 2,585 graduan dari tujuh fa-kulti akan menerima ijazah dan diploma pada konvokesyen kali ini.